

MAHATHIR-PEMIMPIN R'R'R'

(1)

1982

KUALA LUMPUR, 15 OGOS (BERNAMA)-DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA RAKYAT, TERTUAMANYA PARA ANGGOTA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL, MENERIMA KEPUTUSAN SUARA TERBANYAK DALAM PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN.

KATANYA ADALAH MERUPAKAN SEBAHAGIAN PERLU BAGI SESUATU KUMPULAN MEMPUNYAI PEMIMPIN TETAPI PERJUANGAN UNTUK MENJADI KETUA JANGAN-LAH SAMPAI MEROSAKKAN KUMPULAN TERSEBUT.

SETIAP RAKYAT, KATA PERDANA MENTERI, HENDAKLAH SEDIA MENERIMA KEPUTUSAN RAMAI KERANA DI NEGARA INI, PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN BER-DASARKAN SUARA TERBANYAK.

BERUCAP MERASMIKAN SIMPOSIUM MIC MENGENAI SIKAP BARU UNTUK KEPIMPINAN DI HOTEL HILTON DI SINI, BELIAU BERKATA DALAM SETIAP PROSES PEMILIHAN SUDAH TENTU ADA PIHAK YANG KALAH.

KADANGKALA PARA PENYOKONG PIHAK YANG KALAH INI AKAN MEMBANTAH DAN KELUAR MENINGGALKAN TEMPAT DI MANA PEMILIHAN DIJALANKAN.

--LAGI 1306/HM

MAHATHIR-PEMIMPIN 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

SEKIRANYA KEJADIAN BEGINI DIBIARKAN BERLAKU DALAM PARTI, PARTI ITU AKAN MENJADI LEMAH DAN JUMLAH ANGGOTANYA AKAN BERANSUR KURANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DENGAN ITU, ADALAH PENTING BAGI PIHAK MINORITI MENERIMA KEPUTUSAN MAJORITI SEHINGGA SUATU KETIKA PENDAPAT MEREKA DITERIMA.

BELIAU KESAL DENGAN SIKAP SETENGAH-SETENGAH ANGGOTA-UMNO YANG BERPENDAPAT +PIHAK MENANG MEMENANGI SEMUA DAN YANG KALAH HARUS PERGI+.

+PADA SAYA, KONSEP INI ADALAH SALAH,+ KATA PERDANA MENTERI, YANG JUGA PRESIDEN UMNO DAN PENERUS BARISAN NASIONAL.

--LAGI 1310/HM

MAHATHIR-PEMIMPIN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA: +MUNGKIN KITA TIDAK SUKA MELIHAT MUKA SESEORANG ITU TETAPI KIRANYA IA DIPLIH OLEH PIHAK RAMAI, KITA HARUS MENERIMANYA.

-KITA TIDAK ADA JALAN LAIN MELAINKAN MENERIMANYA DEMI MEMELIHARA STRUKTUR DAN KEMANTAPAN PERTUBUHAN.+

BELIAU BERHARAP PIHAK MINORITI TIDAK AKAN MERASA TIDAK DIENDAHKAN KERANA MEREKA MASIH MEMPUYAI SUARA WALAUPUN SUARA YANG KECIL.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN WALAUPUN SISTEM MAJORITI YANG DIPRAKTIKKAN OLEH KERAJAAN TIDAKLAH 100 PERATUS SEMPURNA, IA MASIH BERERTI.

SISTEM YANG DIAMALKAN DI NEGARA INI ADALAH LEBIH BAIK DARIPADA YANG DIPRAKTIKKAN DI SETENGAH-SETENGAH NEGARA YANG MEMERINTAH SECARA BERMESYUARAH SEHINGGAKAN MEMBUAT PENGENDURAN-PENGENDURAN UNTUK MEMUASKAN HATI SEMUA PIHAK.

DI BAWAH SISTEM BEGINI, AKHIRNYA DASAR-DASAR YANG DITETAPKAN KERAJAAN TIDAK DAPAT DIFAHAMI DAN TIDAK MEMPUYAI ERTI.

KATANYA RAKYAT MALAYSIA HARUS BERSYUKUR SISTEM KERAJAAN NEGARA INI TIDAK PERNAH TERJEJAS AKIBAT PERUBAHAN-PERUBAHAN DALAM PUCUK PIMPINAN. --LAGI 1355/MD

B534

MAHATHIR - PEMIMPIN 4 KUALA LUMPUR

+KITA TIDAK PERNAH MENGALAMI PERUBAHAN YANG MELIBATKAN SESEORANG DUTA BESAR TERSINGKIR ATAU SETIAUSAHA NEGARA TERPAKSA MENULIS BUKU ATAU MEMBERI SYARAHAN UNTUK MENYARA HIDUP,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERPENDAPAT SISTEM KEPIMPINAN DI MALAYSIA MERUPAKAN YANG PALING TERBAIK KERANA TIADA TERDAPAT DI MANA-MANA DI DUNIA INI PARA MENTERI DAN ANGGOTA PARLIMEN MENDAMPINGI RAKYAT DENGAN BEGITU ERAT SEPERTI DI NEGARA INI.

+KITA SENTIASA TAHU KEHENDAK RAKYAT KERANA BERBAGAI-BAGAI PERJUMPAAN SEPERTI MAJLIS DIALOG SENTIASA DIADAKAN BAGI MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN DENGAN MEREKA,+ KATANYA.

BELIAU MENEKANKAN PERLUNYA PARA PEMIMPIN MENDAMPINGI RAKYAT UNTUK MEMBERI KEPIMPINAN YANG BERKESAN. --LAGI 1400/MD

MAHATHIR - PEMIMPIN 5 KUALA LUMPUR

BELIAU PERCAYA HANYA DENGAN KEPIMPINAN YANG BERKESAN SAHAJALAH DAPAT NEGARA INI MENGECAP KEMAKMURAN DAN MENCAPAI MATLAMAT-MATLAMAT KERAJAAN UNTUK MEWUJUDKAN RAKYAT MALAYSIA YANG MEMPUNYAI NILAI-NILAI DAN PRINSIP-PRINSIP TERTINGGI.

+SEMUA PIHAK HENDAKLAH MEMYUNBANG KEPADA KEAGUNGAN NEGARA INI AGAR PIHAK YANG MATERIALISTIK MEMPEROLEHI LEBIH BANYAK KEKAYAAN DAN YANG MEMENTINGKAN KEROHANIAN DAPAT HIDUP DALAM SEBUAH MASYARAKAT YANG BERGEMANGAT, IDEAL, STABIL DAN PROGRESIF, + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU INGIN MEMBAWA MALAYSIA KE ARAH KENEGARAAN DAN PENTADBIRAN YANG BERMUTU SETARAF DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU DAN BUKAN SEKADAR MEMELIHARA UNDANG-UNDANG DAN KETENTERAMAN SAHAJA. --LAGI 1437/MD

B546

MAHATHIR-PEMIMPIN 6 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MAHU PARA PEMIMPIN BUKAN SAHAJA MEMIMPIN TETAPI JUGA MENGIKUT -- IAITU MEMENUHI KEHENDAK RAKYAT.

BELIAU TIDAK MAHU MEREKA KHAYAL DENGAN GELARAN DAN KEISTI-MEWAAN KEJAYAAN.

NEGARA, KATANYA, TIDAK MEMPUNYAI TEMPAT AGI MEREKA YANG MENUNTUT SUPAYA DIHORMATI KERANA KEDUDUKAN ATAU SIKAP FEUDAL PEMINGGALAN SISTEM BRITISH.

BELIAU BERKATA DI BAWAH SISTEM BRITISH, TIADA TERDAPAT LANGSUNG HUBUNGAN ANTARA PARA PEKERJA DAN PIHAK MAJIKAN, WALAUPUN DI WAKTU BERKERJA.

DI LUAR MASA BERKERJA, MEREKA PERGI MINUM DI TEMPAT YANG BERASINGAN SELARAS DENGAN NORMA BAHAWA SETIAP ANGGOTA MASYARAKAT HENDAKLAH MENDUDUKI TEMPAT MASING-MASING. --LAGI 1442/MD

B547

MAHATHIR-PEMIMPIN 7 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI MENGINGATKAN PARA PEMIMPIN SUPAYA JANGANLAH MENGIKUTI KEHENDAK-KEHENDAK RAKYAT DENGAN MEMBUTA TULI KERANA DENGAN BERBUAT DEMIKIAN, MEREKA MUNGKIN TERPERANGKAP OLEH TUNTUTAN-TUNTUTAN PIHAK EKTREMIS.

PARA PEMIMPIN MESTILAH SANGGUP MENGORBAN SEDIKIT POPULARITI MEREKA UNTUK MENGAMBIL JALAN TENGAH BERDASARKAN KEBIJAKSAAN DAN PENGALAMAN YANG TIDAK DAPAT DIPEROLEHI DARI BUKU ATAU MELALUI KURSUS-KURSUS.

PERDANA MENTERI MENYARANKAN RAKYAT MALAYSIA MENCONTOHI RAKYAT JEPUN MENUBUHKAN KUMPULAN-KUMPULAN PENGAWASAN KUALITI UNTUK MENINGGIKAN MUTU KEPIMPINAN. --BERNAMA 1445/MD